

19 JAN 1999

AGONG BERSOLAT AIDILFITRI DI MASJID NEGARA

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa orang menteri Kabinet and duta besar asing.

Sebelum itu Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengadap Seri Paduka berdua di Istana Negara.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga berkenan menerima mengadap Jemaah Menteri, Duta-duta dan tetamu kehormat di Istana Negara.

Pada masa yang sama umat Islam di seluruh negara menunaikan solat Aidilfitri di masjid dan surau di kampung halaman mereka. Pembesar dan pemimpin-pemimpin negeri turut menunaikan solat Aidilfitri bersama rakyat.

-- BERNAMA

APG PR